# JAWAPAN

**BAB 1A**

### 1.1.1 Peranan Kerajaan sebagai Pengeluar dan Majikan

**1.**




**2.** (a) Terdapat hanya satu firma yang mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam monopoli semula jadi

(b) Barang keluaran firma kerajaan tidak dikeluarkan oleh firma lain

(c) Kerajaan merupakan penentu harga barangan atau perkhidmatan yang tunggal

(d) Tiada kebebasan keluar masuk industri disebabkan wujudnya halangan seperti perlindungan undang-undang

#### Aktiviti 1.1.1

(a) Peranan kerajaan sebagai pengeluar

(b)
- Tidak menguntungkan.
- Pembinaan projek tersebut memerlukan kos modal yang tinggi.
- Hanya mampu dibiayai oleh kerajaan selepas mengumpul dana daripada masyarakat melalui kutipan cukai.

(c) Barang awam merupakan barang penting kepada masyarakat, jika barang ini tidak dikeluarkan oleh kerajaan, kebajikan masyarakat terjejas. Pengeluaran barang awam oleh kerajaan membolehkan setiap anggota masyarakat menggunakan barang awam dengan bayaran yang paling minimum atau tanpa bayaran.

(d)
- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara
- Kegiatan ekonomi negara meningkat
- Penambahan peluang pekerjaan
- Peningkatan guna tenaga
- Kadar pengangguran menurun
- Peningkatan pendapatan negara
- Peningkatan kuasa beli dan permintaan agregat
- Peningkatan taraf hidup rakyat

### 1.1.2 Peranan Kerajaan untuk Mencapai Objektif Makroekonomi Negara

**3.**




Terima jawapan lain yang munasabah

**4.** (a) penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun, dan pendudukyang berumur lebih daripada 64 tahun
(b) bukan tenaga buruh, bekerja
(c) guna tenaga, penganggur
(d) tenaga buruh, barang, perkhidmatan
(e) bekerja, tidak bekerja
(f) Pengangguran
(g) Guna tenaga penuh

**5.** (a) (i) Malaysia mencapai guna tenaga penuh pada tahun 2019 dan 2022 kerana kadar pengangguran berada pada paras di bawah 4%, iaitu 3.3% pada tahun 2019 dan 3.9% pada tahun 2022.

(ii) Malaysia tidak mencapai guna tenaga penuh pada tahun 2020 dan 2021 kerana kadar pengangguran melebihi 4%, iaitu 4.5% pada tahun 2020 dan 4.6% pada tahun 2021.

(b)
- Aktiviti ekonomi berjalan dengan giat.
- Jumlah pengeluaran barang dan perkhidmatan dalam pasaran adalah tinggi.
- Pendapatan negara meningkat.
- Pertumbuhan ekonomi negara menjadi semakin baik.

**6.** (a)
- Jika tingkat harga umum meningkat secara berterusan, maka inflasi akan berlaku.
- Jika tingkat harga umum menurun secara berterusan, maka deflasi atau kemelesetan ekonomi akan berlaku.

(b)
- Menjamin kuasa beli pengguna yang stabil
- Memastikan kos sara hidup yang terkawal

(c) (i) meningkat secara berterusan
(ii) meningkat
(iii) menurun
(iv) menurun secara berterusan
(v) mengalami kerugian dan terpaksa membuang pekerja
(vi) Kadar pengangguran

**7.** Negara X mempunyai prestasi ekonomi yang lebih stabil. Ini adalah kerana kadar pertumbuhan negara bagi negara X tidak menurun secara drastik pada tahun 2020 berbanding dengan negara Y. Pada tahun 2021, apabila ekonomi negara mulai berpulih, kadar pertumbuhan negara juga meningkat secara stabil. (Terima jawapan lain yang munasabah)

**8.** (a) Situasi A. Apabila aliran wang masuk ke dalam negara lebih tinggi daripada aliran wang keluar ke negara lain, maka wujud lebihan imbangan pembayaran yang menandakan ekonomi berada dalam keadaan baik. Lebihan ini boleh membantu kerajaan mencapai objektif makroekonomi.

(b) Lebihan imbangan pembayaran boleh diperbaiki dengan:
- Meningkatkan nilai eksport barangan dan perkhidmatan
- Menggalakkan kemasukan pelaburan asing

(c)
- Rizab pertukaran asing di bank pusat akan bertambah.
- Nilai mata wang tempatan semakin meningkat.
- Kegiatan ekonomi dalam negara semakin pesat.

## 1.1.3 Peranan Kerajaan dalam Mengawal Selia Pengeluar dan Eksternaliti Negatif

**9.** (a) Pelaksanaan undang-undang dan peraturan
(b) Pemberian subsidi
(c) Pengenaan cukai

**10.** (a) (i) Aktiviti perindustrian
(ii) Pelepasan asap daripada kilang boleh menyebabkan pencemaran udara berlaku.
atau
Pembuangan sisa industri ke dalam sungai menyebabkan pencemaran air yang merosakkan ekosistem dan sumber pendapatan nelayan.

(b) (i) Aktiviti pengangkutan
(ii) Pertambahan kenderaan yang banyak menyebabkan kesesakan lalu lintas, meningkatkan pencemaran udara dan membazirkan masa pengguna jalan raya.

(c) (i) Pelancongan
(ii) Pelancong yang terlalu ramai di kawasan pelancongan negara menyebabkan pencemaran bunyi, kesesakan lalu lintas yang mengganggu keamanan dan keharmonian penduduk tempatan.

**11.** (a) Menaikkan cukai ke atas kereta
(b) Mengetatkan syarat pembelian kereta
(c) Mengurangkan subsidi minyak

### Aktiviti 1.1.3

(a)
- Menstabilkan harga barang
- Mengurangkan kos pengeluaran firma

(b) Setuju
- Dapat mengurangkan beban kerajaan
- Perbelanjaan kerajaan turun
- Defisit kerajaan menurun
- Mengurangkan aktiviti penyeludupan bahan asas ke negara jiran
- Golongan sasar tetap menikmati subsidi kerajaan

Tidak setuju
- Kos memasak peniaga meningkat
- Keuntungan peniaga menurun
- Harga makanan meningkat
- Kos perbelanjaan isi rumah meningkat
- Pendapatan boleh guna isi rumah menurun
- Tabungan isi rumah terjejas
- Kuasa beli isi rumah menurun
- Kos sara hidup meningkat
- Taraf hidup masyarakat terjejas

**12.** (a)

Peranan kerajaan dalam ekonomi
- Sebagai pengeluar dan majikan
- Mencapai objektif makroekonomi
- Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif

(b) **Sebagai pengeluar dan majikan**
- Kerajaan mengeluar barang awam dan barang sosial
- Untuk meningkatkan kebajikan dan kemakmuran masyarakat
- Kerajaan memainkan peranan sebagai majikan dengan menawarkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam

**Mencapai objektif makroekonomi**
- Kajian mengenai ekonomi secara menyeluruh dalam isu umum
- Seperti pendapatan / keluaran negara / guna tenaga / masalah pengangguran
- Contoh: guna tenaga penuh / pertumbuhan ekonomi / kestabilan harga / kestabilan imbangan pembayaran

**Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif**
- Kerajaan memantau aktiviti pengeluar melalui undang-undang / peraturan
- Mengawal eksploitasi pengguna dengan mengisytiharkan sesetengah barang sebagai barang kawalan
- Memberi subsidi kepada pengeluar untuk mengurangkan kos pengeluaran / menstabilkan harga dalam pasaran
- Memberi subsidi kepada pengeluar yang menggunakan teknologi hijau dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan
- Mengenakan cukai ke atas barang atau perkhidmatan yang boleh menjejaskan kesihatan seperti rokok dan alkohol / menyebabkan pencemaran alam sekitar

## 1.1.4 Matlamat Kerajaan untuk Menjaga Kebajikan Masyarakat dan Meningkatkan Kemakmuran Negara

**13.**
- Kerajaan memainkan peranan sebagai pengeluar dengan menyediakan barang awam / barang sosial yang tidak dikeluarkan oleh pihak swasta
- Untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat
- Contoh kemudahan yang disediakan oleh kerajaan: kemudahan asas / sistem pendidikan yang lengkap / kemudahan kesihatan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

– Kerajaan memainkan peranan sebagai majikan dengan menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor awam
– Situasi ini membolehkan masyarakat menyumbangkan tenaga dari segi fizikal dan mental
– Guna tenaga memperolehi ganjaran dalam bentuk gaji
– Peranan kerajaan sebagai pengeluar dapat membantu negara mencapai objektif guna tenaga penuh
– Kemudahan lengkap yang disediakan oleh kerajaan mampu menarik pelabur dari luar negara
– Kemasukan aliran modal ke dalam negara akan memperbanyakkan lagi aktiviti pengeluaran dalam negara seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi negara
– Apabila aliran modal yang masuk ke dalam negara melebihi daripada aliran modal ke luar negara, ia mampu mencapai imbangan pembayaran lebihan
– Kepelbagaian aktiviti pengeluaran memerlukan pemantauan daripada pihak kerajaan
– Untuk memastikan pengeluar tidak menindas kebajikan pengguna dengan mengaut keuntungan yang berlebihan / mengancam kesejahteraan alam sekitar
– Kerajaan memainkan peranan melalui undang-undang dan peraturan / cukai / subsidi untuk mengawal selia aktiviti pengeluar / eksternaliti negatif

**14.** <u>**Ketidakstabilan ekonomi**</u>
– Tanpa campur tangan kerajaan, ekonomi berisiko mengalami turun naik yang lebih ketara kerana mekanisme pasaran mungkin mengambil masa yang lama untuk mencapai keseimbangan semula.
– Ini akan menyebabkan kebajikan rakyat terjejas.
– Sebagai contoh, apabila harga barang meningkat dengan mendadak, jika kerajaan tidak campur tangan dengan mengawal harga maksimum, atau memberi bantuan kewangan kepada rakyat, kuasa beli rakyat akan jatuh, rakyat tidak dapat menikmati barangan dan perkhidmatan yang diperlukan.
– Maka taraf hidup rakyat turut terjejas.

<u>**Peningkatan ketidaksamaan pendapatan**</u>
– Sistem ekonomi yang dibiarkan tanpa kawalan kerajaan cenderung memihak kepada golongan berpendapatan tinggi, sekali gus melebarkan jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin.
– Situasi ini berlaku kerana tiada mekanisme agihan semula pendapatan dan kekayaan untuk meningkatkan kualiti hidup golongan yang kurang bernasib baik.
– Program kebajikan sosial, pendidikan berkualiti dan sistem cukai progresif yang dilaksanakan kerajaan amat penting untuk mengurangkan ketidaksamaan ini.

<u>**Kekurangan penyediaan barang awam**</u>
– Ketiadaan campur tangan kerajaan menyebabkan barang awam seperti jalan raya, taman rekreasi awam dan perkhidmatan kesihatan tidak dapat disediakan secara mencukupi.
– Hal ini berlaku kerana pihak swasta tidak berminat membekalkan barang awam yang tidak menguntungkan. Kerajaan dapat memastikan kemudahan ini dibina, diselenggara dan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat demi kesejahteraan hidup.

<u>**Tiada perlindungan terhadap pengguna dan pekerja**</u>
– Bagi pengguna, ketiadaan peraturan dan undang-undang kerajaan boleh menyebabkan firma mengeluarkan barangan berkualiti rendah, mengenakan harga yang tidak munasabah atau memasarkan produk yang membahayakan kesihatan.
– Bagi pekerja pula, majikan mungkin mengambil kesempatan dengan membayar upah yang rendah, memanjangkan waktu kerja tanpa bayaran lebih masa atau menyediakan persekitaran kerja yang tidak selamat.
– Oleh itu, peraturan dan undang-undang perlindungan pengguna dan buruh adalah penting bagi menjaga kebajikan mereka.

[*Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah*]

**15.** (a) – SL1M ialah program untuk mencapai objektif makroekonomi negara iaitu mencapai guna tenaga penuh.
– Penyediaan pendidikan percuma ialah peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan.
– Pemberian subsidi menunjukkan peranan kerajaan untuk mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif.

(b) Ya, kerana:
– Meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan masyarakat
– Menjaga kebajikan masyarakat
– Mengurangkan beban kewangan masyarakat
– Mampu menyediakan pendidikan yang selaras untuk semua rakyat
– Mewujudkan perpaduan kaum
– Menurunkan kadar kemiskinan
– Melahirkan sumber manusia yang lebih berdaya saing
– Menggalakkan pelaburan asing
– Mewujudkan peluang pekerjaan

(c) Tidak, kerana:
– Kos pendidikan tinggi terlalu mahal
– Kerajaan telah memberi subsidi sehingga 90%
– Menambahkan beban kewangan kerajaan
– Masih memerlukan sumber kewangan untuk membangunkan bidang lain seperti perumahan dan kesihatan
– Merupakan tanggungjawab ibu bapa untuk menyediakan tabungan yang mencukupi untuk yuran pendidikan anak mereka
– Ada skim pembiayaan pendidikan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)

(d) Kesan pemberian subsidi terhadap pesawah padi:
– Pengeluaran padi meningkat
– Mengeluarkan padi dengan kos yang lebih rendah
– Pendapatan pesawah meningkat
– Kuasa beli pesawah meningkat
– Taraf hidup pesawah meningkat
– Menarik lebih ramai individu menceburkan diri dalam penanaman padi

(e) – Menubuhkan "*Talent Corporation*"
– Menubuhkan institusi kemahiran seperti kolej vokasional dan Institusi Latihan Perindustrian
– Mewujudkan tabung pembangunan sumber manusia untuk latihan pekerja

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS SPM 1A

### KERTAS 1

1. A 2. B 3. C 4. A 5. A 6. A 7. A 8. B 9. A 10. C
11. B 12. A 13. B 14. C 15. B 16. B 17. D 18. B 19. A 20. C
21. B

### KERTAS 2

**Bahagian A**

| No soalan | | Huraian | Permarkahan |
|---|---|---|---|
| 1. | (a) | – Barang awam<br>– Dikeluarkan oleh pihak kerajaan<br>– Tujuan adalah memaksimumkan kebajikan masyarakat<br>– Meningkatkan taraf hidup rakyat<br>– Perbelanjaan pembangunan dalam sektor perkhidmatan sosial<br>– Memupuk budaya dan tabiat membaca dalam kalangan rakyat<br>– Menawarkan peluang pekerjaan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks. 5m] |
| | (b) | – Monopoli semula jadi<br>– Terdapat satu firma tunggal<br>– Keluaran tidak ada pengganti<br>– Penentu harga pasaran<br>– Tiada kebebasan keluar masuk dalam industri | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[5m] |
| | (c) | – Elaun perumahan dan elaun sara hidup (COLA)<br>– Kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan<br>– Imbuhan tetap khidmat awam<br>– Pencen selepas bersara<br>– Cuti tahunan mengikut kelayakan<br>– Cuti bersalin | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks. 4m] |
| | (d) | Guna tenaga penuh<br>– Kadar pengangguran di sesebuah negara berada pada tahap yang rendah iaitu kurang daripada 4%<br>Kestabilan harga<br>– Kerajaan harus memastikan kestabilan harga di dalam negara supaya tidak berlaku inflasi atau deflasi<br>Pertumbuhan ekonomi<br>– Pembangunan ekonomi berbentuk fizikal seperti pertambahan keluaran barang dan perkhidmatan, pertambahan infrastruktur dan peningkatan pembangunan ekonomi lain<br>Kestabilan imbangan pembayaran<br>– Imbangan pembayaran merekod aliran wang masuk dan keluar akibat daripada perdagangan antarabangsa dalam tempoh satu tahun<br>– Sekiranya aliran wang masuk melebihi aliran wang keluar, maka imbangan pembayaran lebihan tercapai<br>– Sekiranya aliran wang masuk kurang daripada aliran wang keluar, maka imbangan pembayaran defisit berlaku | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks. 6m] |
| 2. | (a) | Barang awam<br>– Dikeluarkan oleh pihak kerajaan<br>– Tujuan adalah memaksimumkan kebajikan masyarakat<br>– Meningkatkan taraf hidup rakyat<br>– Contohnya balai polis dan sekolah menengah<br>Barang sosial<br>– Barang yang memberi manfaat kepada golongan masyarakat yang ramai<br>– Tujuan adalah memaksimumkan kebajikan masyarakat<br>– Contohnya air bersih (SADA), elektrik (TNB) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks. 4m] |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| No soalan | | | Huraian | Permarkahan |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | – Pembangunan ekonomi berbentuk fizikal seperti pertambahan keluaran barang dan perkhidmatan, pertambahan infrastruktur dan peningkatan pembangunan ekonomi lain<br>– Ianya merupakan alat untuk mengukur prestasi pembangunan negara<br>– Pertumbuhan ekonomi ialah peningkatan dalam kegiatan ekonomi yang menyebabkan pertambahan keluaran (KDNK benar) dalam sesebuah ekonomi | 1<br>1<br>1<br>[Maks. 2m] |
| | | (ii) | – Imbangan pembayaran ialah penyata kewangan yang merekodkan nilai semua urus niaga dan aliran wang antara negara dalam satu tahun<br>– Ianya merupakan alat untuk mengukur keadaan perdagangan luar negara | 1<br>1<br>[2m] |
| | (c) | | – Akta kawalan harga dan anti pencatutan<br>– Mengisytiharkan sesetengah barang sebagai barang kawalan<br>– Tidak membenarkan kenaikan atau penurunan harga barang tanpa kelulusan /persetujuan pihak kerajaan<br>– Kerajaan melaksanakan dasar harga maksimum, dasar harga minimum dan kuota<br>– Pengeluar perlu mempamerkan bahan yang digunakan dalam penyediaan makanan dan tarikh luput<br>– Memantau harga barang dari masa ke masa<br>– Menarik balik lesen perniagaan atau mengehadkan lesen perniagaan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks. 6m] |
| | (d) | | – Menarik balik lesen dan tidak benarkan beroperasi bagi firma yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang<br>– Menentukan kawasan perindustrian / kawasan perumahan / kawasan industri berat dan kawasan industri ringan<br>– Menjalankan pemantauan aktiviti pengeluaran firma<br>– Pemberian subsidi<br>– Kaedah pengeluaran mesra alam sebagai insentif kepada pengeluar<br>– Menaikkan cukai terhadap firma yang tidak bertanggujawab terhadap alam sekitar | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks. 6m] |

**Bahagian B**

| No soalan | | Huraian | Permarkahan |
|---|---|---|---|
| **3.** | (a) | – Pengguna dan pengeluar bebas memiliki sumber ekonomi<br>– Kerajaan campur tangan untuk menyediakan barang awam<br>– Harga barang ditentukan melalui mekanisme harga / kuasa pasaran<br>– Firma bebas mengeluarkan barang dan perkhidmatan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan<br>– Pengguna bebas memperoleh barang dan perkhidmatan berdasarkan kemampuan masing-masing<br>– Kerajaan mengawal kestabilan harga dengan melaksanakan dasar harga semasa berlaku inflasi atau deflasi | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks. 4m] |
| | (b) | – Barang sosial<br>– Disedikan oleh pihak kerajaan<br>– Tidak perlu dibayar<br>– Penawaran terhad<br>– Wujud kos lepas<br>– Memaksimumkan kebajikan masyarakat<br>– Meningkatkan taraf hidup masyarakat<br>– Menjayakan dasar negara<br>– Menyediakan / menawarkan peluang pekerjaan<br>– Meningkatkan industri pelancong pendidikan negara<br>– Meningkatkan tahap celik huruf dalam kalangan masyarakat | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks. 7m] |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| No soalan | | Huraian | Permarkahan |
|---|---|---|---|
| | (c) | – Meningkatkan kebajikan masyarakat<br>– Melaksanakan dasar negara<br>– Tidak wujud persaingan dan penindasan<br>– Meningkatkan projek pembangunan<br>– Memajukan kawasan persekitaran<br>– Menarik perhatian pelancong asing<br>– Mengeluarkan barang awam dan barang sosial<br>– Menawarkan / menyediakan / mencipta peluang pekerjaan<br>– Ingin mencapai guna tenaga penuh / kurangkan kadar pengangguran<br>– Memperbanyakkan aktiviti pengeluaran<br>– Meningkatkan eksport negara<br>– Merangsang pertumbuhan ekonomi<br>– Menggalakkan pengaliran wang masuk ke dalam negara<br>– Mengurangkan pengaliran wang keluar dari luar negara | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks. 9m] |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.